



## **UCAPAN GIMIK PERASMIAN**

**TUAN VEERAPAN A/L SUPERAMANIAM  
PENGURUSI JAWATANKUASA BERTINDAK KESIHATAN,  
ALAM SEKITAR DAN KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN**

**UNTUK**

**PROGRAM SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR SEDUNIA (WED)**

**2020**

**PERINGKAT NEGERI SEMBILAN**

**PEJABAT MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN**

**5 JUN 2020**

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera saya ucapkan,

Saudara/ saudara pengacara majlis;

**Puan Hajah Azuri Azizah Binti Haji Saedon**

(Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan)

Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)

Jabatan Alam Sekitar Negeri Malaysia

**YBrs. Tuan Adi Saufi bin Mohamad Daud**

Executive Committee of Cenviro Sdn Bhd.

**Puan Norhazni Mat Sari**

**Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan**

Rakan MoU Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan

Ketua-Ketua Jabatan dan agensi, wakil-wakil Industri, NGO dan wakil media

Dif-dif Jemputan, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati sekalian,

Pada hari ini kita dapat bersama-sama di pada pagi ini dalam Program Sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) 2018 Peringkat Negeri Sembilan. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan selaku penganjur atas kesudian mengundang saya

bagi menyempurnakan Program Sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) 2018 Peringkat Negeri Sembilan.

Setinggi-tinggi tahniah juga kepada pihak Cenviro Sdn Bhd sebagai rakan Strategik Jabatan Alam Sekitar yang telah memberi sumbangan dari segi kerjasama penganjuran program, khidmat nasihat dan kemudahan fasiliti dalam memastikan Program Sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) 2018 Peringkat Negeri Sembilan.

**YBhg. Dato’/ Tuan-Tuan/ Puan-Puan,**

Setiap lapisan masyarakat memainkan peranan penting dalam penjagaan dan pemuliharaan alam sekitar. Menjaga alam sekitar ini bukanlah menjadi tugas kerajaan semata-mata tetapi menjadi tanggungjawab kita semua secara bersama. Muafakat daripada semua pihak amat penting. Jika tidak, maka gagallah hasrat kerajaan bagi membudayakan masyarakat terhadap penjagaan alam sekitar yang akan memberikan kesan yang besar kepada generasi akan datang.

Peribahasa ada menyebut, ‘melentur buluh biarlah dari rebungnya’. Begitulah juga dalam usaha memulihara alam sekitar, kita perlu bermula lebih awal iaitu di rumah dan di peringkat sekolah. Sebagai contoh program gotong-royong membersihkan sekolah boleh diadakan lebih kerap dan dijadikan acara bulanan bagi menerap semangat kerjasama dalam memelihara kebersihan alam sekitar.

Saya juga difahamkan pihak JAS telah pun memperkenalkan Program Rakan Alam Sekitar (RAS) yang terbuka kepada orang awam. Program ini merupakan inisiatif Jabatan Alam Sekitar dalam meningkatkan kesedaran dan menggerakkan anggota masyarakat dalam aktiviti pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar. Dengan menjadi ahli Rakan Alam Sekitar, kita akan menjadi `mata dan telinga' untuk membantu melaporkan kejadian pencemaran kepada agensi-agensi Kerajaan yang bertanggungjawab dalam membanteras kegiatan-kegiatan yang merosakkan atau mencemarkan alam sekitar. Oleh demikian, saya menyeru supaya semua pihak yang hadir pada pagi ini turut berdaftar sebagai Rakan Alam Sekitar.

**YBhg. Dato/Tuan-Tuan/Puan-Puan,**

Seperti kita sedia maklum, tahun ini, pencemaran sisa plastik menjadi topik hangat yang dibincangkan, bukan sahaja di negara kita malah diperingkat global. United Nations Environmental Programme (UNEP) melaporkan bahawa plastik merupakan pencemar utama di lautan. Sebanyak 13 juta tan plastik dihanyutkan ke lautan setiap tahun, 500 billion beg plastik digunakan setiap tahun di seluruh dunia, 480 billion botol plastik dijual di seluruh dunia pada tahun 2016 dan 50% bahan plastik yang digunakan seharian merupakan bahan pakai buang yang tidak dapat dikitar semula.

Sempena Hari Alam Sekitar Negara 2018 dengan tema “Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama”, saya juga menyeru kepada semua untuk turut

menyokong kempen ***Let's BreakUp With Single-Use Plastic!***. Sebagai warga alam yang prihatin. Marilah sama-sama kita kurangkan penggunaan plastik. Sebagai tindakan permulaan, mari kita hentikan penggunaan botol minuman plastik pakai buang, straw dan plastik pembungkus makanan dalam aktiviti seharian.

Saya yakin jika kita bersama-sama berganding bahu, keberkesanan kempen ini dan komitmen bagi memastikan suasana alam sekitar terutama di Negeri Sembilan terus dipulihara dengan sebaik-baiknya akan menjadi realiti. Semoga kelestarian alam sekitar hari ini dapat kita wariskan kepada generasi akan datang.

**YBhg. Dato'/Tuan-Tuan/ Puan-Puan,**

**Akhirkata, sekali lagi** saya ingin merakamkan setinggi-tinggi syabas dan tahniah kepada pihak penganjur atas inisiatif untuk mengelolakan Program Sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) 2018 Peringkat Negeri Sembilan.

Dengan rasa sukacita dan takzimnya, saya merasmikan Majlis Program Sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) 2018 Peringkat Negeri

Sembilan.

Sekian, Terima kasih.